



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAH PENGGUNA

KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PUP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

12 MAC 2022 (SABTU)



**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
(KPDNHEP)**

12 MAC 2022 (SABTU)

SINAR HARIAN • SABTU 12 MAC 2022

NASIONAL

19

Turut perkenalkan platform teknologi melahirkan keceriaan 'SMART' (pintar) pada setiap hari kepada pengguna

Oleh RAIHAM MOHD SANUSI

Lotus's Stores (Malaysia) Sdn Bhd (Lotus's) melancarkan penjenamaan semula pasir raya besarmya peringkat nasional selepas berjaya melengkapkan penjenamaan semula 62 bekas stor Tesco.

Lebih istimewa, rangkaian pasir raya besar terkemuka negara itu turut memperkenalkan penggunaan platform teknologi untuk melahirkan keceriaan 'SMART' (pintar) pada setiap hari kepada pengguna.

Presiden Lotus's Malaysia, Kenneth Chuah berkata, pihaknya mewujudkan platform baharu dalam talian yang menggabungkan program kesetiaan dan platform dalam talian Lotus's ke dalam satu aplikasi seterusnya memberikan pengguna pengalaman 'phygital' yang menarik dalam membeli-belah.

"Adalah menjadi visi kami untuk menceriakan para pelanggan dengan memberikan kemudahan yang lebih baik dan membeli-belah yang diperbaikan.

"Dengan menggabungkan kedu-dua program kesetiaan MyLotus's dan platform dalam talian Lotus's, pelanggan boleh membeli-belah dengan kami dalam talian dan serta-merta mengumpul mata serta menebus ganjaran mereka menggunakan Aplikasi Lotus's yang baharu ini," katanya.

Lotus's Malaysia: Penjenamaan semula 62 stor



Nanta (tengah) yang diringi Kenneth (kiri) dan Hasnol menyempurnakan gizik pelancaran penjenamaan semula Lotus's Malaysia peringkat nasional di Pasar Raya Besar Lotus's Ampang pada Khamis.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis pelancaran penjenamaan Lotus's peringkat nasional yang disempurnakan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Sri Alexander Nanta Linggi di Pasar Raya Besar Lotus's Ampang pada Khamis.

Hadir sama, Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Hasnol Zam Zam Ahmad.

Kenneth menjelaskan, dengan kemajuan teknologi maklumat, Lotus's akan lebih dilengkapi dengan data untuk memahami keperluan pelanggan.

"Lotus's juga menyesuaikan promosi dan ganjaran kepada individu walaupun mereka tinggal dalam sebuah rumah yang sama untuk memberikan pengalaman membeli-belah yang lebih diperbadikan," ujarnya.

Program kesetiaan MyLotus's

itu juga boleh dinikmati oleh pelanggan yang membeli-belah di stor fizikal mereka.

Lotus's pada masa ini juga mempunyai Aplikasi Scan & Shop untuk membolehkan pelanggan menjelajah perbelanjaan dan mengurus belanjawan mereka.

Lorong khusus untuk pembeli Scan & Shop juga disediakan untuk mempercepatkan proses pembayaran dan memerdekaan masa beratur.

Pantau dan selamat

Mengulas lanjut, Kenneth memberitahu, pelanggan juga boleh menikmati pengalaman membeli-belah yang pantas dan selamat di 28 buah stor Lotus's dengan Kounter Pembayaran Layan Diri tanpa tunai.

Menturutnya, kaunter tersebut menerima pembayaran kad debit dan kredit serta e-dompet seperti Boost, kiplePay, GrabPay, Alipay, MCash, MAE, ShopeePay, Touch 'n Go dan UnionPay.

Selain itu, katanya, Lotus's juga mempunyai aspirasi untuk menjadikan peruncit yang mengamalkan kelestarian melalui semangat komuniti #KitakanJiran dan usaha alam sekitar.

"Lotus's sentiasa bersedia untuk membantu komuniti-komuniti yang kurang bernasib baik dengan membekalkan makanan dan barang keperluan kepada keluarga dan individu B40 di seluruh negara termasuk mereka yang terjejas akibat banjir baru-baru ini," jelasnya.

Sementara itu, Nanta berkata, berdasarkan statistik Jabatan Perangkaan Malaysia, Sektor



Salah seorang wakil Lotus's sedang memberi penerangan mengenai mesin layan diri Lotus's.

Perdagangan dan Pengedaran merekodkan jualan tahunan berjumlah RM1.3 trilion iaitu pertumbuhan sebanyak empat peratus pada tahun 2021 berbanding tahun sebelumnya.

Ujar beliau, daripada jumlah tersebut sub-sektor peruncitan telah mencatatkan pertumbuhan jualan sebanyak 3.5 peratus kepada RM48.5 bilion.

"Justeru itu bagi merancakkan lagi pertumbuhan sektor ini kerajaan melalui Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) telah menggariskan dasar-dasar untuk menggalakkan aktiviti ekonomi yang bernilai tambah dan berkemahiran tinggi serta dipacu oleh teknologi termaju."

"Salah satu inisiatif yang akan dilaksanakan oleh kerajaan ialah Program Penggalakan Sektor Peruncitan Berskala Besar untuk melaruk dalam teknologi baru dan digitalisasi bertujuan bagi meningkatkan lagi nilai tambah dan kecekapan sektor ini," katanya.

Nanta menegaskan, beliau amat tertarik dengan pelaburan berterusan yang telah pun dilaksanakan Lotus's, contohnya seperti sistem pembelian atas talian Scan & Shop dan sistem automasi Self-Checkout untuk memperkenalkan teknologi baru dan transformasi digital dalam sektor peruncitan di Malaysia.

Dalam pada itu, Lotus's baru-baru ini turut memeterai Perjanjian Pembelian Kuasa kechuaanya dengan Kumpulan NEFIN untuk memasang 'photovoltaic' solar panel (PV) di atas bumbung 12 lagi stor dan salah satu pusat



NANTA



KENNETH

pengedarannya di Simpang Pulai, Perak, menjadikan 28 dari jumlah fasiliti Lotus's yang beroperasi dengan menggunakan tenaga bersih.

Melalui pemasangan berkenaan yang dijangka selesai pada Ogos 2022, Lotus's dapat mengurangkan pelepasan karbonnya kira-kira 14,461 tan setiap tahun.

Lotus's buat pertama kali diperkenalkan di Malaysia pada Februari 2021 dengan transformasi tiga bekas stor Tesco.

Awal tahun ini, syarikat itu juga telah memperkenalkan dua lagi stor baharu iaitu Lotus's Pulai Hartamas di Ipoh, Perak dan Lotus's Bandar Puteri Jaya di Sungai Petani, Kedah.

Lotus's kini memiliki 64 buah stor yang sedang beroperasi di seluruh Semenanjung Malaysia.



Nanta diperkenalkan kepada aplikasi baharu Lotus's Online.

Activate Windows
Go to settings to activate Windows



Oleh Sri Ayu Kartika
Amri
kartika@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Lotuss Stores (Malaysia) Sdn Bhd (Lotus's Malaysia), rangkaian pasar raya besar terkemuka di Malaysia memperkenalkan platform baharu dalam talian yang menggabungkan kedua-dua program kesetiaan dan platform Lotus's ke dalam satu aplikasi bagi memberi pengguna pengalaman phygital yang menarik ketika membeli-belah.

Presiden Lotus's Malaysia, Kenneth Chuah berkata, selain penggunaan platform teknologi, pihaknya juga menyelesaikan penjenamaan semula 62 bekas cawangan Tesco.

"Visi kami mahu mencecahkan pelanggan dengan memberikan kemudahan lebih baik dan pengalaman membeli-belah diperibadikan.

"Dengan menggabungkan kedua-dua program kesetiaan MyLotus's dan platform dalam talian Lotus's, pelanggan boleh membeli-belah dalam talian dan serta-merta mengumpul mata termasuk menebus ganjaran menggunakan Aplikasi Lotus's baharu ini.

"Dengan kemajuan dalam teknologi maklumat, kami lebih dilengkapi dengan data untuk memahami keperluan pelanggan dan menyesuaikan promosi serta ganjaran kepada individu walaupun mereka tinggal dalam rumah sama untuk memberikan pengalaman

HARI : SABTU
TARIKH : 12/3/2022
M/SURAT : 23

PENGALAMAN PHYGITAL

Aplikasi Lotus's baharu beri pengguna kemudahan membeli-belah diperibadikan



MENTERI Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Alexander Nanta Linggi (dua dari kanan) diiringi Kenneth (dua dari kiri) mendengar penerangan mengenai mesin layan diri untuk membeli barang ketika merasmikan Pasar Raya Lotus's Ampang.

membeli-belah lebih diperibadikan," katanya.

Menurutnya, program kesetiaan MyLotus's itu juga boleh dinikmati pelanggan yang membeli-belah di stor fizikal.

Lotus's pada masa ini juga mempunyai Aplikasi Scan & Shop untuk membolehkan pelanggan mengimbas barang yang hendak dibeli di stor.

Beliau berkata, ini mem-

bolehkan pelanggan menjalani perbelanjaan dan mengurus belanjawan mereka serta lorong khusus untuk pembeli Scan & Shop juga disediakan untuk mempercepatkan proses pembayaran.

Selain itu, pelanggan juga boleh menikmati pengalaman membeli-belah yang pantas dan selamat di 28 rangkaian Lotus's melalui kaunter pembayaran layan

diri tanpa tunai yang menerima pembayaran kad debit dan kredit serta e-dompet seperti Boost, kiplePay, GrabPay, Alipay, MCash, MAE, ShopeePay, Touch 'n Go dan UnionPay.

Lotus's juga komited mewujudkan aspirasi untuk menjadi peruncit yang mengamalkan kelestarian melalui segangat komuniti #KitakanJiran dan usaha alam sekitarnya.

Pastikan pelitup muka ikut piawaian mudah diperoleh

Pewartaan elak kes penipuan,
KPDNHEP kena kawal harga

Oleh Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) perlu memastikan penjualan pelitup muka kekal mudah diperoleh walaupun barang berkenaan akan diwartakan mengikut piawaian.

Pakar Perubatan Kesihatan Masyarakat, Fakulti Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Dr Sharifa Ezat Wan Puteh, berkata tindakan diambil KPDNHEP untuk mewartakan penjualan pelitup muka yang hanya mengikut piawaian adalah langkah yang baik, namun ada

kebaikan dan kelebihannya.

Katanya, langkah mewartakan pelitup muka itu akan menjadikan barang berkenaan susah didapati, seterusnya memberi kesan kepada harga.

"Saya bersetuju dengan langkah mewartakan hanya pelitup muka mengikut piawaian boleh dijual, namun ada kebaikan dan keburukannya. Apa yang baiknya ialah tiada lagi kes penipuan membabitkan pelitup muka disebabkan ia barangan kawalan.

"Penjualan pelitup muka yang tidak berkualiti juga dapat dikurangkan dan harganya boleh dikawal. Namun, apabila jadi barang kawalan, orang ramai susah membeli. Kini kita boleh beli di pelbagai tempat, farmasi, kedai serbaneka dan sebagainya.

"Apabila dikawal, sto'i pelitup muka susah diperoleh, jika ada mungkin tidak mengikut piawaian ditetapkan. Jadi, kerajaan perlu memastikan walaupun hanya pelitup muka mengikut piawaian diwartakan boleh dijual, rakyat masih mudah mendapat-

KPDNHEP mahu warta pelitup muka penuhi piawaian kesihatan

Keratan akhbar BH, semalam.

kan barang berkenaan dan harganya tidak terlalu mahal," katanya kepada *BH* semalam.

Kelmanin, KPDNHEP memaklumkan dalam proses untuk mewartakan pelitup muka bagi memastikan hanya yang memenuhi piawaian kesihatan ditetapkan dijual di pasaran. Langkah itu penting bagi rujukan pengguna berikutnya kini terlalu banyak pelitup muka di pasaran yang tidak mengikut piawaian kesihatan.

Menurut garis panduan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), untuk pelitup muka fabrik, lapisan paling dalam perlu menyerap air seperti kapas; lapisan tengah perlu dihasilkan da-

ripada bahan polipropilena tanpa jahitan yang bertindak sebagai penapis, manakala untuk lapisan luar, ia perlu kalis air seperti poliester.

Dr Sharifa Ezat berkata, masyarakat kini banyak terkesan COVID-19 dan jika harga pelitup muka terlampau mahal, ia memberi beban kepada keluarga.

"Jika keluarga ada lima anak, ketua keluarga perlu sediakan banyak pelitup muka untuk dipakai setiap hari kerana apa yang dijual di negara ini kebanyakannya jenis pakai buang. Masyarakat mahukan pelitup muka berharga murah dan mudah diperoleh kerana ia barang 'wajib' untuk kita pakai ketika penularan COVID-19," katanya.

Pengguna, Adilah Zafirah Zainal, 29, berkata pewartaan pelitup muka itu langkah tepat bagi memastikan masyarakat membeli barang mengikut piawaian kesihatan dan dijamin ketulennannya. "Selain mematuhi prosedur operasi standard (SOP) dan vaksin, pelitup muka juga berper-

Penjualan pelitup muka yang tidak berkualiti juga dapat dikurangkan dan harganya boleh dikawal

Dr Sharifa Ezat Wan Puteh,
Pakar Perubatan
Kesihatan
Masyarakat,
Fakulti
Perubatan
UKM



nan penting membendung penularan COVID-19. Jika beli pelitup muka yang tidak mengikut piawaian dan perlu dipakai setiap hari, ia mungkin menjadi antara punca jangkitan COVID-19, jadi kerajaan perlu kawal harganya supaya tidak menjadi beban kepada masyarakat," katanya.

Siti Syafiqah Nasir, 24, pula berkata banyak lambakan pelitup muka dengan harga murah untuk menarik minat orang ramai membelinya tanpa menghiraukan sama ada ia memenuhi spesifikasi ditetapkan atau tidak.

"Bermacam jenis pelitup muka empat lapisan dijual di pasaran, namun adakah ia sama seperti diiklankan. Disebabkan ia wajib dipakai, ada juga individu cuba ambil kesempatan," katanya.

Kosmo!

SUARA KONTEMPORARI

HARI : SABTU
TARIKH : 12/3/2022
M/SURAT : 16



Senarai Harga Barang Keperluan

Ayam	RM7.99
Daging Lembu Tempatan	RM57.90
Daging Lembu Import	RM35

Telur Gred A	RM12.60
Ikan Kembung	RM17.99
Miryak Masak	RM6.35

Gula Pasir	RM2.80
Bawang Besar Holland	RM2.60
Bawang Putih	RM5.50

Cili Merah	RM13.99
Kubis Bulat Tempatan	RM1.99
Tepung Gandum	RM2.25

*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP